

15 SEP 2002

PESTA PD 2002 DILANJUTKAN SEHINGGA MALAM ESOK

PORT DICKSON, 15 Sept (Bernama) -- Pesta PD 2002, yang sepatutnya berakhir hari ini, dilanjutkan sehingga malam esok bagi memberi peluang kepada orang ramai meraikan majlis penutupan Perayaan Bulan Kemerdekaan di situ.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dijadualkan merasmikan penutupan perayaan itu. Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid juga dijadualkan menghadiri majlis itu.

Turut dijadual mengahadirinya ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad serta Datuk Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.

Pesta PD 2002 bertema "Moh Poie PD" bermula pada 30 Ogos lepas. Ia merupakan acara tahunan berkonsepkan "Pesta Pelancongan Berinfonika" dan yang pertama kali diadakan sejak Port Dickson dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran pada Februari lepas.

Sepanjang pesta itu, pelbagai acara sukan diadakan selain pengunjung boleh menikmati pelbagai juadah serta mendapatkan barangan kegunaan harian yang dijual di tapak pesta.

Para pengunjung juga berpeluang mendapatkan potongan harga jualan barangan pada hari terakhir pesta itu.

-- BERNAMA

RP NAK